

Kaji pernyataan di bawah.

Murid-murid Tingkatan 5 Anggun telah melawat sebuah pusat pertanian. Di situ, mereka ditunjukkan pokok yang diberi baja bernitrogen dan pokok yang tidak diberi baja bernitrogen. Mereka mendapati pokok yang diberikan baja bernitrogen lebih subur berbanding pokok yang tidak diberi baja bernitrogen

- (a) Nyatakan pernyataan masalah bagi situasi di atas. [1 markah]
- (b) Cadangkan satu hipotesis untuk menyiasat pernyataan di atas. [1 markah]
- (c) Menggunakan larutan kultur Knop lengkap, larutan kultur tanpa nitrogen, anak pokok jagung, kertas hitam, gabus dan radas-radas lain yang sesuai, huraikan satu eksperimen untuk menguji hipotesis di 5 (b).
Huraian anda harus mengandungi kriteria yang berikut :
- (i) Tujuan eksperimen [1 markah]
- (ii) Pengenalpastian pemboleh ubah [2 markah]
- dimanipulasikan:
 - bergerak balas:
 - dimalarkan:
- (iii) Senarai radas dan bahan [1 markah]
- (iv) Prosedur atau kaedah [4 markah]



Tarik Langkah-langkah prosedur dan lepaskan di ruang jawapan mengikut turutan.

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.

Balutkan tabung didih dengan kertas hitam bagi mencegah pertumbuhan alga. Biarkan set radas selama 1 minggu.

Masukkan anak pokok dan tutup tabung didih dengan gabus.

Perhatikan dan rekodkan pertumbuhan anak pokok selepas 1 minggu.

Tuang 10cm^3 larutan kultur lengkap dan 10cm^3 larutan kultur tanpa nitrogen dalam tabung didih yang berasingan.

(v) Penjadualan data

[1 markah]

Lengkapkan jadual data dengan maklumat pembolehubah daripada rancangan eksperimen ini.